

Kerjasama WWF, UMT pulihara Tanah Bencah Setiu

UM 04/07/07 pg. 26
Oleh ADNAN MOHAMAD

KUALA TERENGGANU

3 Julai - Tabung Alam (WWF) Malaysia bekerjasama dengan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) untuk memulihara kawasan Tanah Bencah Setiu seluas 9,200 hektar dalam usaha mengekalkan keunikan biodiversiti untuk generasi akan datang.

Kawasan berkenaan yang meliputi hutan paya bakau, tanah lembap, hamparan rumput laut serta pantai berpasir adalah aset penting kepada industri perikanan, pertanian dan pelancongan.

Naib Canselor UMT, Prof. Datuk Dr. Sulaiman Md. Yassin berkata, kerjasama antara kedua-dua pihak itu adalah untuk merancang penggunaan sumber khazanah tanah bencah itu secara bijak serta terawal.

Menurut beliau, ia dilaksanakan bagi memenuhi tuntutan sosio ekonomi penduduk setempat dan alam semula jadi yang berterusan terutama dalam menentukan keupayaan hutan paya laut.

Katanya, langkah itu juga perlu dilakukan untuk mengenal pasti kawasan-kawasan yang kritikal fungsinya dalam menentukan kestabilan

ekosistem.

"Sebagai sebuah universiti yang terulung di Pantai Timur dan mempunyai kepakaran dalam bidang biologi marin serta penjagaan alam sekitar maka sewajarnya UMT menjalankan kajian dan pemantauan di tanah bencah ini.

"Di kawasan itu sebanyak 29 spesies mamalia, 150 spesies tumbuhan, dua spesies tuntung, 75 spesies keang dan siput, 37 spesies ikan, 120 spesies serangga, 28 spesies reptilia dan amfibia serta 128 spesies burung direkodkan," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada Majlis Menandatangani Memo Persefahaman antara WWF Malaysia dan UMT yang disaksikan oleh Pengerusi Kesihatan, Perpaduan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar Negeri, Toh Chin Yaw di sini, semalam.

Dr. Sulaiman mewakili UMT manakala WWF Malaysia diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr. Dionysius S.K. Sharma.

Mengulas lanjut, Dr. Sulaiman berkata, pihaknya akan memastikan penjagaan ekosistem dan sumber semulajadi dilakukan secara mapan.

Menurut beliau, pengurusan mapan mampu menjamin kehidupan masyarakat setempat, pelbagai biologi serta fungsi ekosistem yang sihat.



DR.SULAIMAN Md. Yassin (kanan) bertukar dokumen dengan Dr.Dionysius S.K. Sharma pada majlis menandatangani persefahaman (MOU) pengurusan mapan Tanah Bencah Setiu di Kuala Terengganu, semalam.

- Gambar MAHATHIR ALI